



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD			
TARIKH	:	5/9/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	-			



Metro Ahad, 5
Sept 2021_17

UNIT Penguatkuasaan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah menahan dua lori hantu yang mengangkut dan memindahkan tanah di kawasan projek perumahan berhampiran Taman Juasseh Sentosa, Juasseh.

DUA LORI HANTU PINDAH TANAH

Dua pemandu ditahan gagal tunjuk permit

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Kuala Pilah

Guna 'lori hantu' untuk mengangkut dan memindahkan tanah di kawasan projek perumahan berhampiran Taman Juasseh Sentosa, Juasseh di sini.

Itu antara aktiviti haram dilakukan dua pemandu lori yang diberkas Unit Penguatkuasaan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah, pagi semalam.

Dalam kejadian jam 9.15 pagi, dua pemandu lori dengan muatan tanah merah berkenaan gagal menunjukkan permit bahan batuan sah daripada Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Pilah ketika ditahan.

Pegawai Daerah Kuala Pilah, Mohd Faizal Abdul Manap berkata, pihaknya menahan kedua-dua lori itu yang dalam perjalanan dari



SEBUAH lori hantu yang mengangkut tanah merah.

arah Pekan Juasseh menghala ke Kampung Juasseh Kapitan.

"Tiga anggota penguatkuasa kami yang menjalankan tugas rondaan di sekitar Juasseh mengesan dua lori hantu yang dalam keadaan mencurigakan sebelum menahan dan memperkenalkan diri.

Kes disiasat mengikut Seksyen 426 Kanun Tanah Negara 1965

tuk mengemukakan sebarang permit bahan batuan yang sah daripada Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah," katanya.

Beliau berkata, sebuah lori dibawa dan ditahan di Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah dengan bantuan Unit Trafik, Ibu Pejabat Daerah (IPD) Kuala Pilah untuk siasatan lanjut.

"Manakala sebuah lagi lori tidak dapat dibawa kerana mengalami masalah enjin. Kedua-dua pemandu lori masing-masing berusia 30-an dan 40-an itu dibebaskan selepas diambil keterangan," katanya.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 426 Kanun Tanah Negara 1965 iaitu mencabut, memindah atau mengangkut bahan batuan tanpa kebenaran yang sah dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak lebih RM500,000 atau dipenjarakan tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia